

|            |                                   |             |                     |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Salur dana Sahabat AIM RM400 juta |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro (Timur)              |             |                     |
| Date       | 18 Nov 2019                       | Color       | Full Color          |
| Section    | News                              | Circulation | 7,330               |
| Page No    | 22                                | Readership  | 21,990              |
| Language   | Malay                             | ArticleSize | 217 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                               | AdValue     | RM 6,395            |
| Frequency  | Daily                             | PR Value    | RM 19,184           |



## Salur dana Sahabat AIM RM400 juta

**Pasir Mas:** Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Kelantan mencatatkan jumlah pembiayaan yang disalurkan bernilai hampir RM400 juta sehingga Oktober tahun ini.

Pengurus Besar Wilayah Kelantan Utara, Ahmad Jusoh berkata, nilai itu mem-babitkan 49,033 peminjam atau sahabat dari tiga wilayah iaitu Kelantan Utara, Kelantan Tengah dan Kelantan Selatan.

Katanya, sasaran pembiayaan pihaknya tahun ini berjumlah RM500 juta dan ia boleh dicapai memandangkan Kelantan antara negeri yang paling tinggi serta aktif dalam menggerakkan AIM.

“AIM menyediakan pembiayaan yang boleh dipinjam sahabat serendah RM1,000 sehingga RM30,000 dengan bayaran balik dalam masa tiga bulan sehingga lima tahun bergantung jumlah pinjaman.



AHMAD (dua dari kanan) melawat gerai peserta AIM di Fiesta Sahabat AIM 2019 di SK Lati, semalam.

“Mereka yang layak untuk menjadi sahabat AIM ialah yang kurang berkemampuan dan golongan B40 yang biasanya dengan tujuan memulakan pelbagai jenis perniagaan atau menguruskan pertanian, penternakan dan

sebagainya,” katanya pada Fiesta Sahabat AIM 2019 di Sekolah Kebangsaan (SK) Lati di sini, kelmarin. Hadir sama, Pengerusi KADA, Datuk Husam Musa.

Ahmad berkata, AIM juga menjalinkan kerjasama erat

dengan agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).